



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S) 126/2022(JPP)
TARIKH : 6 OKTOBER 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

| Tajuk Perolehan | Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas | Lokasi & Tarikh Penjualan / Harga Dokumen | Pendaftaran / Taklimat / Lawatan Tapak (Wajib) | Tarikh, Masa Peti Sebut Harga Buka, Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran |
|--|--|---|---|--|
| PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN KAWASAN KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA W.P. LABUAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK PERBADANAN LABUAN | Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah Kod Bidang: 221002 | Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan 21.10.2022 sehingga 28.10.2022 (semasa waktu pejabat) RM 15.00 (tidak dikembalikan) | 12.10.2022 (9.00 pagi) Pendaftaran di Bilik Mesyuarat Cemerlang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan | 31.10.2022 (8.00 pagi - 12.00 t/hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan |

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BERSERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga (sekiranya diwajibkan). Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.